



***AMALAN KEPEMIMPINAN PENGURUSAN TERTINGGI FELDA  
DALAM MEMBANGUNKAN SUMBER MANUSIA  
DALAM KALANGAN PEGAWAI FELDA***

**MOHD SYAIFUL BIN HASSAN**

**FPP 2019 30**



**AMALAN KEPIMPINAN PENGURUSAN TERTINGGI FELDA  
DALAM MEMBANGUNKAN SUMBER MANUSIA  
DALAM KALANGAN PEGAWAI FELDA**




**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah**

**Januari 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



**DEDIKASI**  
Untuk  
Ahli Keluarga  
Dan  
Semua Sahabat serta Semua Pelajar



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**AMALAN KEPEMIMPINAN PENGURUSAN TERTINGGI FELDA  
DALAM MEMBANGUNKAN SUMBER MANUSIA  
DALAM KALANGAN PEGAWAI FELDA**

Oleh

**MOHD SYAIFUL BIN HASSAN**

Januari 2019

**Pengerusi : Profesor Madya Ismi Arif Ismail, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

FELDA merupakan salah sebuah agensi kerajaan Malaysia yang menangani penempatan semula penduduk luar bandar yang miskin ke kawasan-kawasan yang baru dibangunkan agar dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka. Namun sejak akhir ini FELDA menghadapi permasalahan pengurusan seperti tuntutan pentadbiran yang cekap daripada peneroka sendiri, tuduhan salahguna pengurusan daripada pihak media, pengurusan konflik kepemimpinan dan pandangan negatif masyarakat tentang pengurusan organisasi. Dalam keadaan yang penuh dengan konflik dan isu yang berbangkit tentang FELDA, kajian ini bertujuan menjawab persoalan bagaimana amalan kepemimpinan pengurusan tertinggi Felda membangunkan sumber manusia, apakah cabaran yang dihadapi oleh pengurusan tertinggi Felda dan bagaimana pengurusan tertinggi Felda menghadapi cabaran tersebut.

Rekabentuk kajian kaedah kualitatif induktif ini menggunakan kaedah kajian kes melibatkan jumlah responden yang terpilih adalah seramai enam (6) orang. Teknik pengumpulan data dalam kajian ini adalah melalui temubual berdasarkan garis panduan yang telah direkabentuk. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perbandingan berterusan (*constant comparative*). Bagi tujuan kesahihan kajian, teknik pemeriksaan rakan, triangulasi dan semakan ahli telah digunakan.

Hasil kajian mendapat terdapat lima amalan utama pengurusan tertinggi Felda iaitu amalan kerja berpasukan, amalan kerja beretika, amalan kerja berdasarkan pengetahuan, berkomunikasi secara bersemuka dan

menggalakkan organisasi sebagai tempat pembelajaran. Ini menepati dengan empat dimensi yang terdapat dalam model kepemimpinan transformasional iaitu pengaruh yang ideal, inspirasi motivasi, merangsang intelek dan pertimbangan individu. Kajian ini juga mendapati empat cabaran utama pengurusan ialah berkaitan mendepani warga Felda yang semakin matang, campurtangan parti politik, tahap pendidikan pengurusan yang rendah dan sikap pengurusan tidak cekap. Selain itu mereka turut menerapkan pendekatan pembangunan sumber manusia dalam organisasi terutama berkaitan pembangunan organisasi, pembangunan kerjaya dan pembangunan latihan. Hasil kajian turut mendapati faktor komunikasi pemimpin berperanan dalam menguatkan lagi keempat dimensi yang terdapat pada model kepemimpinan transformasional sedia ada.

Bagi mengatasi cabaran tersebut berdasarkan kajian ini mendapati kepentingan mengadakan kursus latihan yang bersesuaian dalam menambahkan lagi ilmu pengetahuan pihak pengurusan selain memberikan pendedahan pengurusan dalaman dan luaran organisasi. Ini membolehkan pengurusan Felda melahirkan ramai pemimpin yang berkaliber di masa hadapan. Kajian juga telah menyumbangkan informasi yang bernilai untuk pengurusan atasan Felda selain menyumbang kepada model pembangunan organisasi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa pengurusan Felda telah mengamalkan kepemimpinan transformasional yang komprehensif dan menginspirasi dalam menguruskan organisasi. Kesimpulan yang boleh dibuat adalah dimensi komunikasi sangat penting bagi memastikan keempat-empat dimensi transformasional sedia ada dapat diaplikasikan secara berkesan dalam amalan kepemimpinan transformasional seseorang pemimpin. Semoga hasil dari kajian ini dapat membantu pengurusan Felda mahupun untuk merancang strategi yang berkesan dalam melaksanakan amalan kepemimpinan yang cemerlang dimasa akan datang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP PRACTICES OF SENIOR  
MANAGEMENT IN DEVELOPING THE HUMAN RESOURCE AMONG  
FELDA OFFICERS**

By

**MOHD SYAIFUL BIN HASSAN**

January 2019

**Chairman : Associate Professor Ismi Arif Ismail, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

FELDA is a government agency in Malaysia that handles the relocation of poor villagers from rural areas to new development areas to improve their socioeconomic well-being. However, the agency is being criticized on the mismanagement issues, failing to meet the demand of the settlers, accusation from media, conflicts within the leadership circle and the negative perception on the management of the organization. This study is aimed to answer the following questions of the leadership practices of the senior management in developing the human resource and the challenges face by the leaders in dealing with this aspect.

Inductive qualitative research design was used in this case study. Six respondents were involved based on certain fixed criteria. Data collection technique includes semi structured interviewing. All the data were analyzed using constant comparative method. To ensure the authenticity of the data, member check, triangulation and peer examination technique were employed.

Results from this study indicated that five main practices of FELDA senior management are team-work practice, ethical-work practice, knowledge-based work practice, face-to-face communication and making organization as a learning space. These complement the four dimensions that are included in the transformational leadership practices namely idealized influence, inspirational motivation, intellectual stimulation and individual consideration. It is also indicated four main management challenges which include addressing the matured FELDA community, political intervention, low level of educational

background among officers as well as inefficient management. In addition, they also infuse the human resource development matter in the day-to-day operation through organizational development, career development especially training and development. Communication between all the leaders also plays an important role in linking all the other four in the transformational leadership practices.

A comprehensive training is very much needed in order to improve the knowledge among senior management on the internal and external matters of FELDA. This will ensure that more leaders will be nurtured in the future. The study also has contributed valuable input for the FELDA senior officers and also towards improving the current organizational development model.

In the nut shell, the findings indicated that FELDA's management practices transformational leadership in a comprehensive manner and inspires in managing the organization. The conclusion that can be made is communication is very crucial to consolidate the four dimensions of transformational leadership to be applied effectively by the respective leaders. It is hoped that the findings can support the FELDA management to strategically plan and implement an excellent leadership practice in the future.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Selawat dan Salam ke atas Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dengan segala nikmat dan limpahan kurniaNya yang memberi kekuatan serta kesihatan dalam menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan khas buat Profesor Madya Dr. Ismi Arif Ismail sebagai penyelia utama yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, bimbingan, sokongan, pandangan, galakan dan idea dalam merealisasikan kertas kajian ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada Profesor Dr. Turiman Suandi, Profesor Dr. Abu Daud Silong (Allahyarham), Profesor Emeritus Dr. Azimi Hamzah, Prof. Madya Dr. Azizan Asmuni, Prof. Madya Dr. Khairuddin Idris, Dr. Shamsudin Ahmad, Prof. Dr. Azahari Ismail, Profesor Dr. Aminah Ahmad, Profesor Dr. Maimunah Ismail yang telah mencerahkan ilmu yang berguna kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang setinggi-tinggi juga buat para pensyarah lain yang telah mencerahkan ilmu yang amat besar nilai dan ertiinya kepada saya sepanjang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah Pembangunan Sumber Manusia ini. Tidak lupa kepada semua responden kajian yang telah sudi berkongsi pengalaman mengenai kemajuan mereka. Walaupun nama tidak tertera atas faktor kerahsiaan, namun sumbangan mereka tetap dikenang.

Kepada Ayahanda Haji Hassan Said dan Ibunda Hajah A'Azimah Haji Mat Isa serta Ayahanda Haji Nik Abdul Aziz Nik Jaffar dan Ibunda Hajah Salmar Wan Ismail (Allahyarhamah) yang tidak jemu memanjatkan doa, memberi sokongan, galakan, rangsangan serta motivasi agar berusaha sehabis daya untuk mendapatkan segulung Ijazah Doktor Falsafah ini dan seterusnya memberi inspirasi kepada mereka yang lain.

Buat isteriku tercinta Raihanah Nik Abdul Aziz dan cahaya mataku Nurmuhammad Adam, Nurmuhammad Aiman, Nurmuhammad Anas dan Nur Anis Anisah, selaut terima kasih kerana sentiasa berada disisi menemaniku sepanjang perjuangan ilmu ini. Andalah permata berharga di sebalik kejayaan ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama memberi komitmen dan semangat kepada saya untuk terus berjuang serta melengkapkan Ijazah Doktor Falsafah Pembangunan Sumber Manusia ini. Moga Allah SWT melimpahkan rahmatNya kepada kalian semua, InshaAllah.

Sekian, wassalam.

**MOHD SYAIFUL BIN HASSAN**



## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh:\_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Mohd Syaiful bin Hassan, GS27219

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Limitasi Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Definisi Istilah	14
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Pembangunan Sumber Manusia	17
2.2.1 Pembangunan Latihan	22
2.2.2 Pembangunan organisasi	24
2.2.3 Pembangunan kerjaya	26
2.3 Takrifan Kepemimpinan	29
2.4 Amalan Kepemimpinan Organisasi	35
2.5 Model Kepemimpinan	43
2.5.1 Model Kepemimpinan Transformasional	44
2.6 Kerangka Konsep Kajian	52
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	54
3.1 Pengenalan	54
3.2 Pendekatan Kualitatif Sebagai Kaedah Kajian	55
3.3 Pendekatan Kajian Kes	57
3.4 Pengkaji Sebagai Instrumen Penyelidikan	58
3.5 Aktiviti Sebelum Ke Lapangan	59
3.5.1 Kenalpasti responden	60
3.5.2 Kriteria pemilihan responden	61
3.5.3 Persampelan bertujuan	62
3.6 Aktiviti Di Lapangan	63
3.6.1 Kajian Rintis	63
3.6.2 Kajian Utama	64

3.6.3	Temu bual semi berstruktur	64
3.6.4	Soalan temu bual	68
3.6.5	Peranan perakam digital	70
3.6.6	Etika dalam kajian	70
3.6.7	Menulis memo, komen dan nota lapangan	73
3.7	Analisis Data dan Interpretasi Data	73
3.7.1	Pengurusan data	73
3.7.2	Penulisan transkrip temu bual	74
3.7.3	Memberi kod dan pengkelasan tema	74
3.7.4	Pembentukan tema	76
3.8	Kesahan dan kebolehpercayaan: Pengekalan Kredibiliti, kebolehpindahan, kebolehsandaran dan kebolehsahan	77
3.8.1	Mengelakkan bias pengkaji	78
3.8.2	Penilaian rakan sekerja dan verifikasi responden	80
3.8.3	Refleksi dan masalah berkaitan dengan kajian	80
3.9	Ringkasan	81
<b>4</b>	<b>PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>82</b>
4.1	Pengenalan	82
4.2	Butiran Responden	82
4.3	Profil Responden	83
4.4	Persoalan Kajian 1	84
4.5	Persoalan Kajian II:	95
4.6	Persoalan Kajian III	101
4.7	Model Amalan Kepemimpinan Felda	105
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>107</b>
5.1	Pengenalan	107
5.2	Ringkasan	107
5.3	Kesimpulan	110
5.4	Implikasi	114
5.4.1	Implikasi kepada Teori	115
5.4.2	Implikasi Kepada Praktis	115
5.4.2.1	Implikasi kepada latihan (kepemimpinan)	116
5.4.2.2	Implikasi kepada pembangunan kerjaya	116
5.4.2.3	Implikasi kepada pelan penggantian bersistematis	117
5.4.2.4	Implikasi Kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat	117
5.5	Cadangan	118
5.5.1	Cadangan Praktis	118
5.5.2	Cadangan Kajian Akan Datang	120
5.6	Penutup	121
<b>RUJUKAN</b>		<b>122</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>150</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>		<b>154</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		<b>155</b>

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
1	Berita on-line pertikai pengurusan Felda (MalaysiaKini)	9
2	Ringkasan pelaksanaan kajian	55
3	Tarikh temu bual yang dijalankan	68
4	Persoalan etika sebelum menjalankan temu bual	72
5	Profil Responden Kajian	83

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
1 Roda Sumber Manusia menurut ASTD	18
2 Kerangka Teori Kepemimpinan Tranformasional Burn (1978) dan Bass (1985)	48
3 Model Teori Kepemimpinan Transformasi Leithwood (1994)	49
4 Model Kepemimpinan Transformasional Slocum dan Hellriegel (2007)	50
5 Kerangka Konsep Kajian	53
6 Bagaimanakah amalan kepemimpinan yang dipraktikkan Pengurusan tertinggi Felda dalam membangunkan sumber manusia	94
7 Apakah cabaran berkaitan membangunkan sumber manusia dalam kalangan pegawai Felda	101
8 Bagaimana Pengurusan tertinggi menghadapi cabaran dalam membangunkan sumber manusia	105
9 Model Amalan Kepemimpinan Felda	106

## **SENARAI SINGKATAN**

LKTP	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FELDA	Federal Land Development Authority
PSM	Pembangunan Sumber Manusia
HRD	Human Resource Development
HRM	Human Resource Management
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang dilaksanakan dan menghuraikan beberapa subtopik iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, skop kajian, limitasi kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah. Latar belakang kajian merangkumi segala aspek yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kajian yang dilaksanakan bagi mengupas tentang kajian ini.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini bertujuan meneroka amalan kepemimpinan pengurusan tertinggi organisasi dalam membangunkan sumber manusia dalam kalangan pegawai-pegawai Felda dan seterusnya model serta garis panduan yang dibangunkan hasil daripada semakan kajian ini akan digunakan sebagai asas dalam menilai tahap prestasi pengurusan kepemimpinan bagi agensi yang berdasarkan pertanian dan komuniti milik kerajaan ini iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) atau FELDA.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) atau lebih dikenali dengan nama FELDA merupakan salah satu daripada badan berkanun tempatan di bawah urus tadbir Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan hal ehwal peneroka di seluruh rancangan Felda di Malaysia kecuali Negeri Pulau Pinang dan Negeri Sarawak. Pada awal pembukaan tanah rancangan, fokus utama Felda adalah dalam sektor pertanian terutama kelapa sawit dan getah namun begitu pada masa sekarang fungsi Felda telah mula dipelbagaikan. Keadaan ini memerlukan pengawalan yang baik perlu dilakukan oleh pengurusan di Felda supaya setiap proses yang melibatkan hal ehwal peneroka, hasil serta kegiatan sosial lain dapat berjalan dengan lancar. Pengurusan di peringkat pentadbiran serta di rancangan perlu mahir dan juga terlatih bagi mempertingkatkan lagi kualiti bekerja dan juga memberikan sumbangan yang berkesan ke atas kerjaya mereka dalam persaingan global kini (Program Kerja 2015; Merealisasi Transformasi).

Undang-undang Kemajuan Tanah 1956 (*Land Development Ordinance of 1956*) diwujudkan pada 1 Julai 1956 dan daripada itu terbentuklah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) atau FELDA yang juga adalah merupakan sebuah agensi milikan kerajaan Malaysia bagi tujuan pembangunan tanah dan penempatan semula penduduk dengan objektif pembasmian kemiskinan melalui aktiviti utama pertanian (kelapa sawit dan

getah). Tugas LKTP atau FELDA yang dinyatakan di dalam Undang-undang Kemajuan Tanah – Seksyen 3(2);

*“It shall be the duty of the authority to promote and assist the investigation, formulation and carrying out of projects for the development and settlement of land in federation”*

Bagi membolehkan pembukaan tanah dan penempatan penduduk dilaksanakan secara teratur dan terkawal, Kerajaan telah bersetuju menggubal satu akta yang dinamakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 atau lebih dikenali dengan *Group Settlement Area (GSA)* 1960. Akta ini berkuatkuasa pada 30 Mei 1960 bertujuan:

- a) Menyegerakan pembukaan tanah kawasan luar bandar
- b) Menyelaraskan dasar dan polisi pembukaan tanah baru
- c) Mendapatkan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN)
- d) Memberi tanah kepada seseorang dengan cara ekonomik

Matlamat Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 atau lebih dikenali dengan *Group Settlement Area (GSA)* 1960 pula adalah:

- a) Menyeragamkan dasar dan polisi pembukaan tanah
- b) Mewujudkan satu penempatan baru secara teratur dan terancang dengan menyediakan sumber-sumber ekonomi melalui pembangunan tanah dan penempatan semula
- c) Membasmi kemiskinan terutama bagi penduduk-penduduk kampung tradisional
- d) Mengatasi kelaparan tanah
- e) Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi berdasarkan pertanian dan eksport
- f) Menggalakkan perindustrian berdasarkan pertanian.

Misi awal LKTP atau FELDA adalah seperti:

- a) Membuka tanah-tanah baru untuk pertanian dan penempatan
- b) Menempatkan peneroka dan keluarga peneroka
- c) Memberi kemudahan keperluan asas kepada peneroka meliputi perkhidmatan sosial, pendidikan, pengurusan tabung, latihan kemahiran dan khidmat nasihat
- d) Mengadakan khidmat sokongan kepada peneroka seperti penyelidikan, pengangkutan, pemprosesan, pemasaran, pembinaan dan khidmat keselamatan

Setiap buah rancangan bagi pembukaan rancangan Felda ini akan ditempatkan sebuah pengurusan kecil yang diketuai oleh seorang Pengurus Rancangan, Penolong Pengurus, Pembantu Pengurusan Ladang (Penyelia Ladang), Pembantu Pembangunan Masyarakat (SDA-W), Pembantu Pembangunan Agama (SDA-U), Pembantu Tadbir (Kerani) dan pemandu kenderaan di mana peringkat awal sebelum kemasukan peneroka ke rancangan, mereka terlebih dahulu perlu berada di rancangan tersebut untuk memastikan jumlah rumah peneroka lengkap dan cukup, kemudahan kedai perniagaan, masjid, balairaya, klinik, pondok polis sudah sedia ada (mengikut keperluan), kemudahan jalan sudah siap walaupun bertanah merah dan kemudahan lain pada ketika itu yang tidak termasuk bekalan elektrik dan bekalan air.

Pengurusan disetiap rancangan ini akan dibantu oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh peneroka bagi membantu melancarkan lagi pihak pengurusan. Antara jawatankuasa tersebut adalah seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) yang dianggotai oleh pihak pengurusan rancangan dan wakil-wakil peneroka rancangan berperanan membincang dan menyelesaikan masalah serta merancang dan melaksanakan kerja-kerja pembangunan untuk manfaat komuniti rancangan. Manakala Gerakan Pertubuhan Wanita (GPW) pula bagi menarik golongan wanita untuk berpersatuan disamping menyertai aktiviti-aktivi yang dianjurkan oleh pihak pengurusan. Persatuan Belia Felda ditubuhkan bagi menggalakkan penglibatan belia terutama membentuk pemimpin yang bakal menggantikan peneroka (ibu/bapa) mereka kelak. Penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) wujud apabila peneroka sesebuah rancangan telah menerima hak milik di mana JKKK berperanan dalam urusan kebajikan, ekonomi, prasarana dan infrastruktur terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bersama agensi kerajaan berkaitan tetapi ianya tidak berlaku menyeluruh di seluruh rancangan malahan ada juga rancangan wujud JKKR dan JKKK.

Sehingga kini, FELDA telah membuka dan membangunkan lebih kurang 317 buah kawasan atau rancangan dengan keluasan hampir 46,909.70 hektar kawasan kampung, 481,577.32 hektar yang dijadikan sebagai kawasan kebun peneroka dan dengan luas keseluruhan 528,487.02 hektar telah dibangunkan (Laporan Tahunan Felda, 2016). Seramai 112,635 jumlah orang telah dipilih sebagai peneroka daripada kalangan masyarakat pedalaman dan luar bandar yang dikategorikan miskin dan tidak bertanah. Mereka dan keluarga mereka yang terpilih masing-masing semuanya telah ditempatkan semula di penempatan-penempatan baharu di rancangan Felda (Program Kerja 2015; Merealisasi Transformasi).

Mulai Januari 1990, Kerajaan Pusat telah memutuskan tiada lagi pengambilan peneroka baru di semua tanah rancangan FELDA seluruh negara. Dasar tidak mengambil dan menempatkan peneroka di tanah rancangan adalah

terkandung dalam Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 19 Julai 1989 dan diperkuuhkan lagi dengan keputusan bertarikh 13 Mac 1996 berdasarkan kepada keadaan berikut:

- a) Sumber kewangan Kerajaan Pusat yang terhad untuk membiayai projek pembukaan tanah dan penyediaan infrastruktur
- b) FELDA dikehendaki menjana sumber kewangan dan membiayai perbelanjaan pembangunan peneroka
- c) Kawasan yang diluluskan kepada FELDA tidak dimasukkan peneroka dan diberi milik kepada FELDA

Mulai tahun 1996 juga Kerajaan Pusat tidak lagi menyalurkan apa-apa kepada FELDA. Kerajaan telah memberi kepercayaan kepada FELDA untuk berdiri dengan kewangan sendiri dan menjadi sebuah badan berkanun yang boleh menjana pendapatan sendiri untuk menyokong pelbagai perkembangan melalui pelbagai bentuk perniagaannya. Sebagai usaha menjana pendapatan perniagaan, FELDA telah melancarkan beberapa entiti korporat swasta melalui anak-anak syarikat di bawah FELDA Holdings Berhad (FHB) yang ditubuhkan untuk menyokong rantaian nilai dan perniagaan terasnya.

Pembangunan serta pembukaan tanah dan pembangunan penempatan di kawasan pedalaman, yang mana merupakan sebahagian besar daripada kawasan di Malaysia pada masa itu, telah membawa kepada perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial serta membawa kepada kestabilan politik negara pada masa kini. Melalui rancangan-rancangan pembangunan tanah dan penempatan yang dilaksanakan, Felda telah dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar serta dapat merapatkan jurang perbezaan kualiti hidup antara penduduk bandar dan luar bandar. Jumlah peneroka 112,635 yang begitu ramai ini perlu diselenggarakan dengan baik, maka dengan itu pengurusan yang ada perlulah menunjukkan komitmen yang baik antara mereka dengan para peneroka (Program Kerja 2015; Merealisasi Transformasi).

Persaingan perniagaan terutama penghasilan dalam bidang pertanian yang semakin mencabar membolehkan penubuhan syarikat Felda Global Venture Holdings (FGVH) ditubuhkan pada tarikh 19 Disember 2007. FGVH memainkan peranan untuk menguruskan dan mengembangkan semua bentuk perniagaan dan pelaburan FELDA di dalam dan diperingkat antarabangsa (luar negara). Sebelum penubuhan FGVH (yang kemudiannya disenaraikan pada 2012), semua aktiviti hiliran (*downstream*) dilaksanakan oleh anak-anak syarikat kumpulan FELDA Holding Berhad (FHB) di mana ketika itu peluang perniagaan dan pelaburan masih lagi terbatas skopnya. Walaupun terdapat perbezaan antara peranan FELDA dengan FGVH, namun fungsi utama keduanya adalah sama iaitu mendapatkan hasil keuntungan daripada aktiviti perniagaan dan pelaburan bersama untuk dikongsi bersama

komuniti peneroka. Ini bermakna arahan serta keperluan dari kedua-dua pihak pengurusan atasan ini secara tidak langsung akan disalurkan ke peringkat bawah yang melibatkan petugas dan komuniti peneroka supaya selari dengan matlamat utama FELDA.

Sepertimana agensi lain, sama ada awam mahupun swasta, FELDA turut berhasrat untuk mencapai status syarikat berkelas dunia dan menjadi salah satu daripada peneraju perniagaan terkemuka di dunia. Bahkan dalam pernyataan visinya telah menyatakan secara khusus bahawa "FELDA menjadi pemimpin dunia dalam industri kelapa sawit dan peneroka-penerokanya menjadi sebahagian daripada kumpulan yang berpendapatan menengah menjelang tahun 2020."

Kenyataan tentang matlamat, wawasan dan misi sesebuah organisasi adalah sesuatu yang menarik dan perlu dicapai. Namun begitu, mungkinkah matlamat, wawasan dan misi yang menarik itu hanya akan kekal sebegitu buat selamanya. Menyedari hakikat ini tentu saja memerlukan satu ciri dan amalan kepemimpinan yang berkesan daripada peringkat atasan sehinggalah peringkat bawahan yang akan dapat memajukan organisasi untuk mencapai kejayaan cemerlang. Perkara sebegini mengambilkira setelah berlalu lima (5) dekad penubuhan Felda, pengurusan Felda tampak berjaya dalam mengharungi cabaran dan dugaan hidup bersama komuniti Felda di sesebuah rancangan berdasarkan keharmonian dan kerjasama erat antara peneroka dan pengurusan rancangan walaupun cara kepemimpinan pentadbiran di rancangan berubah setiap kali berlaku perubahan dan pertukaran kakitangan Felda di sesebuah rancangan tersebut.

Kajian yang dibuat oleh Noraziah Ali, Noorzah Zakaria & Mohd Azlan Abdullah (2010) berkaitan pembangunan pendidikan dan kelestarian sumber manusia di Felda menunjukkan usaha pembangunan pendidikan telah melahirkan ramai individu berkerjaya tetapi tidak bekerja bersama Felda sendiri. Ini menunjukkan organisasi Felda sentiasa melahirkan sumber manusia yang berkaliber tetapi digunakan diluar daripada Felda dan terpakai oleh agensi luar. Sebagai contoh Ikon Felda 2019 Datuk Dr. Redzuawan Ismail (Chef Wan) dilahirkan daripada program yang dirancang peringkat awal pendidikan. Turut dilahirkan pemimpin seperti Datuk Seri Abu Bakar Harun Exco Negeri Pahang yang menjaga hal ehwal peneroka Felda Negeri Pahang dan beberapa tokoh lain lagi.

Kepemimpinan bagaimana yang perlu dicontohi supaya organisasi yang telah mengharungi lebih daripada lima (5) dekad ini dalam mentadbir organisasi besar seperti Felda akan terus berjaya di masa akan datang. Melihat kepada kepemimpinan dalam pendekatan Islam, kepemimpinan dikenali dengan perkataan khalifah. Sepertimana maksud firman Allah SWT dalam surah Al Baqarah ayat 30, ertiinya;

*“ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi. Mereka berkata, mengapa engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mengusikan Engkau?.. Tuhan berfirman; Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”*

(surah Al Baqarah: 30)

Kepemimpinan merupakan tulang belakang kejayaan perkembangan sesebuah organisasi. Tanpa kepemimpinan, maka sukar untuk sesebuah organisasi beradaptasi dengan segala perubahan yang perlu sejajar dengan perkembangan dunia perniagaan (Nirmalasari, 2014). Menurut Nirmalasari (2014) lagi, pemimpin yang sebenar harus berkeupayaan mencipta visi, mengembangkan strategi menggunakan kuasa untuk mencapai tujuan asal organisasi. Bukan hanya mempengaruhi orang bawahan sahaja, malah mewujudkan ciri kepemimpinan di dalam diri setiap orang bawahannya. Disebabkan itulah kebanyakan pengkaji menyatakan kepemimpinan ialah satu proses di mana seseorang individu dapat mempengaruhi anggota lain dalam kumpulannya ke arah mencapai tujuan serta matlamat kumpulan tersebut.

Kepemimpinan ialah proses yang sangat berkaitan dengan pengaruh di mana seorang pemimpin berjaya mempengaruhi orang bawah yang dipimpin supaya mengubah sikap dan tingkah laku orang-orang lain. Burns (2010) ada menegaskan bahawa kepemimpinan yang baik adalah pemimpin yang akan bertindak mengikut kehendak dan keperluan ahli bawahannya dan bukan bertindak atas kehendak sendiri. Oleh yang demikian, Boldoni (2012) menjelaskan bahawa kepemimpinan ini juga melibatkan keupayaan dan kekuatan daripada kedua belah pihak untuk menyakinkan orang lain bagi bekerjasama ke arah sesuatu matlamat dan kemahiran atau kebolehan untuk membantu mereka mencapainya bersama.

Kepemimpinan merupakan suatu kuasa penggerak yang penting dalam menjadikan sebuah organisasi yang cemerlang. Kepemimpinan juga boleh mengubah haluan dan melaksanakan proses ke arah mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Pemimpin merupakan pengaruh yang sangat penting dalam membentuk tingkah laku, gelagat dan cara berfikir seseorang pengikut di dalam sesebuah organisasi (Nurshahira, Fariza & Azman, 2016). Perbezaan agama, budaya dan bahasa bukanlah penghalang dalam kepemimpinan yang berkesan. Kehebatan pemimpin itu sendiri akan menyerlah apabila kepemimpinannya dapat mempengaruhi pengikutnya dari segi komitmen (Khan et al., 2013), kepuasan (Thamrin, 2012), kreativiti (Gumusluoglu & Ilsev, 2009), ketenangan (Amrozi, 2014) dan prestasi kerja (Thamrin, 2012) dalam mencapai matlamat organisasi.

Kepemimpinan merupakan tanggungjawab yang jelas bagi seseorang individu yang dilantik menjadi pemimpin dan mempunyai pengikutnya yang tersendiri dalam menguruskan amanah Allah S.W.T. Rasulullah SAW sendiri mengutamakan kepemimpinan berbentuk *uswatun hasanah* iaitu memberi contoh kepada kepada para Sahabat yang dipimpin. Maksud ayat Al-Quran berhubung keperibadian Baginda Rasulullah SAW, ertinya;

*“Dan sesungguhnya engkau Muhammad benar-benar berada dalam akhlak yang agung”*

(surah Al Qalam: 4)

Kepemimpinan merupakan kemampuan untuk mempengaruhi orang lain, orang bawahan atau kelompok, kemampuan mengarahkan tingkah laku bawahan atau kelompok, memiliki kemampuan atau kepakaran khusus dalam bidang yang diinginkan oleh kelompoknya, untuk mencapai tujuan organisasi atau kelompok. Sepertimana menurut Tead, Terry dan Hoyt (2003) menyatakan pengertian kepemimpinan adalah kegiatan atau seni mempengaruhi orang lain agar mahu bekerjasama yang bergantung kepada kemampuan orang tersebut untuk membimbing orang lain dalam mencapai tujuan-tujuan yang diinginkan dalam kumpulannya.

Kepemimpinan yang cemerlang adalah hasil daripada amalan kepemimpinan pengurusan tertinggi dalam sesebuah organisasi. Amalan kepemimpinan yang cemerlang perlu menjadi asas dalam pembentukan organisasi yang cemerlang terutama dalam membangunkan sumber manusia yang cemerlang. Robiah Sidin (1998) menyatakan kepemimpinan sebagai satu usaha untuk menggerakkan tenaga di dalam sesuatu kumpulan untuk mencapai matlamatnya. Bukan itu sahaja, pemimpin juga mempunyai pengaruh yang penting untuk membentuk gelagat atau tingkah laku dan cara berfikir seseorang dalam sesebuah organisasi (Nurshahira, Fariza & Azman, 2016).

Sememangnya, persoalan tentang apakah yang menjadikan seorang pemimpin itu sebagai pengubah (*transformer*) adalah merupakan salah satu daripada aspek yang penting dalam penyelidikan ini yang bertumpu terhadap kepemimpinan. Dalam literatur seseorang dapat mengamati corak rangkaian pembangunan daripada pertimbangan yang statik kepada dinamik dalam usaha untuk menangani persoalan ini.

Seorang pemimpin yang efektif dirujuk sebagai seorang yang boleh menggunakan pengaruh. Oleh yang demikian, kajian awal sering merujuk kepada pemimpin yang berkesan sebagai "pemimpin transformasional", suatu konsep yang diperkenalkan buat pertama kali oleh Burns pada tahun 1978. Kepemimpinan transformasional menurut beliau tidak boleh dianggap sebagai suatu set perilaku tertentu. Sebaliknya, ia harus diakui sebagai proses di mana

pemimpin dan pekerja bawahan mereka adalah mendorong antara satu sama lain untuk mencapai tahap moral dan motivasi yang lebih tinggi. Dengan demikian, pemimpin transformasional adalah dicirikan sebagai orang yang memiliki cita-cita tinggi dan nilai-nilai moral termasuk memelihara suatu persekitaran keadilan dan kesamarataan dalam sesebuah organisasi.

Beberapa kajian empirikal telah mengesahkan hubungan antara kepemimpinan transformasional dan keberkesanan organisasi (Barlet, 2003; Kostner, 2001; Kroeck, & Sivasubramaniam, 1996) di mana kepemimpinan transformasional adalah dianggap diperlukan jika seseorang ingin merubah sebuah syarikat daripada sebuah syarikat tempatan sepenuhnya kepada syarikat yang berstatus antarabangsa. Namun begitu, pemimpin perlu lebih daripada menjadi seorang agen perubahan dengan visi dan kepakaran serta kerjasama, mewujudkan persekitaran baru dalam era globalisasi ini juga serta memerlukan kepemimpinan dengan perspektif global. Hal ini, menurut kajian terkini adalah merupakan kunci kepada suatu peralihan yang berkesan untuk perniagaan tempatan kepada ekonomi baru yang lebih global. Dalam suatu perkembangan yang positif, Stagich (2001) mencatatkan bahawa sehingga kini semakin banyak pemimpin korporat telah memperoleh pendedahan dari luar negara sama ada dalam bidang profesional atau pendidikan mereka.

Sepertimana yang ditunjukkan oleh pakar, adalah terletak kepada pemimpin untuk memulakan tanda aras tersebut. "Saya fikir beberapa organisasi telah menetapkan piawaian seperti itu dalam organisasi mereka sendiri - di mana kepemimpinan tertinggi merasakan keperluannya dan ia disuarakan ke peringkat bawahan. Ia harus bermula dari atas dan tunjukkan bahawa terdapat akibat yang nyata kepada kita kerana tidak melakukan yang terbaik" (Goldsmith, Greenberg, Robertson, & Hu-Chan 2003, hal. 81).

Pencapaian organisasi juga merangkumi penghasilan menyeluruh dalam pengurusan terhadap mengatasi pelbagai masalah yang berkaitan dengan kepemimpinan bagi suatu organisasi yang tertentu untuk mencapai status berjaya. Isu-isu ini seperti ciri-ciri peribadi tertentu, kecekapan dan keberkesanan dikalangan pemimpin berbakat untuk memastikan kejayaan sebagai seorang pemimpin global yang akan memacu organisasi ke arah berstatus berkelas dunia. Adalah juga penting untuk mengatasi kemahiran kepemimpinan dan personaliti yang diperlukan bagi para pemimpin global untuk berkembang dalam semua jenis persekitaran dan situasi.

Memandangkan perubahan landskap persaingan dalam pasaran global dengan kemunculan globalisasi pada masa ini, seorang pemimpin yang berkesan tidak hanya dapat melaksanakan perubahan dalam organisasi, tetapi juga mesti memiliki suatu perspektif global. FELDA memerlukan para pemimpin global yang dapat menghadapi cabaran yang berkaitan dengan transaksi dunia tanpa sempadan ini tetapi tidak mengeneplikan kaedah atau cara pengurusan yang sedia ada. Maka tujuan kajian ini adalah untuk melihat

amalan kepemimpinan pengurusan tertinggi membangunkan sumber manusia pegawai Felda dan sama sekali dapat menghasilkan suatu model serta garis panduan tentang menilai tahap prestasi pengurusan kepemimpinan yang berkesan dalam era globalisasi ini. Hal ini kemudiannya akan menjadi suatu asas penilaian untuk pengurusan Felda untuk memastikan bahawa organisasi ini dapat dipimpin oleh para pemimpin berkelayakan dan berpotensi yang mampu untuk mengemudi organisasi ini dalam persekitaran semasa dan pada masa hadapan (Program Kerja 2015 Merealisasi Transformasi; Maklumat Felda 2018).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Amalan kepemimpinan pengurusan tertinggi Felda perlulah selari dengan pembangunan sumber manusia dalam mengikut arus semasa supaya kepemimpinan organisasi dapat bersaing dengan keperluan global pada masa sekarang. Pengurusan Felda suatu ketika dulu tidaklah menghadapi banyak masalah melibatkan urusan tadbiran dan komuniti peneroka serta setiap penyelesaian masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan cara yang berhemah. Malahan peranan pengurusan bersama komuniti peneroka sentiasa berjalan seiring dan sepakat dalam mencapai objektif organisasi.

Namun begitu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini keadaan telah nampak berubah di mana wujud sebilangan kecil komuniti peneroka telah mula dan kerap mempertikaikan urusan pentadbiran terutama di peringkat kepemimpinan Felda. Malahan berita-berita tempatan dalam akhbar-akhbar utama juga dalam berita maya terutama berita *on-line* seperti MalaysiaKini, Malaysia Insider, Sinar Harian, Harakah, Suara Keadilan dan sebagainya dilihat kerap menyarkan kaitan ketidakpuashatian dan keluhan peneroka serta persoalan berhubung dengan kepemimpinan Felda. Antaranya contoh seperti Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 : Berita *on-line* pertikai pengurusan Felda (MalaysiaKini)**

On-line	Tarikh	Tajuk
MalaysiaKini	16 Jun 2010	Kerajaan Akui Aliran Tunai Felda Menjunam
	18 Jun 2010	Bekas Timbalan Menteri Mahu Felda Disiasat
	15 Jun 2011	Felda Diperintah Bayar RM1.2 juta Kepada Peneroka
	17 Jun 2011	Dakwa Ditipu: Peneroka Jengka Pula Saman Felda
	12 Dis 2011	Usaha Singkir Bos Felda, Demo Esok
	02 Mac 2012	Peneroka Bimbang Risiko Penyenaraian FGVH
	26 April 2012	770 Peneroka Saman Felda RM422 juta
	10 Okt 2012	Lagi Rombakan Pengarah-Pengarah Felda?

Selain itu, terdapat juga rungutan dan ketidakpuashatian petugas dan komuniti peneroka tidaklah diserlah dalam keadaan terbuka tetapi mereka menunjukkannya semasa mesyuarat ketua-ketua peneroka di rancangan, perjumpaan tertutup bersama kepemimpinan Felda, melalui surat layang, teguran melalui aplikasi alam maya, teguran dari YB tempatan dan sebagainya. Ada diantara peneroka asal di tanah rancangan turut membandingkan kepemimpinan terdahulu adalah lebih baik dari yang ada sekarang. Daripada buku Laporan Ketua Audit Negara tahun 2017 Siri 2 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018, menyatakan FELDA telah merekodkan peningkatan ketara kerugian bersih berjumlah hampir RM5.73 billion dan RM4.85 billion bagi tahun 2017. Dan sebelum itu dalam buku Laporan Ketua Audit Negara tahun 2015 Siri 2 juga menyatakan kerugian FELDA adalah akibat perancangan dan pelaksanaan yang lemah. Keadaan ini memberi maklumbalas serta gambaran negatif daripada masyarakat luar terutamanya tentang keadaan kepemimpinan Felda. Masyarakat warga peneroka pula saling bercakap dan berdebat perkara yang sama sehingga wujud permasalahan perselisihan faham. Kemuafakatan yang terbina sejak pembukaan tanah rancangan Felda seolah-olah rapuh dan ia perlu dipertautkan kembali supaya pengurusan kepemimpinan Felda sentiasa teguh serta kembali mendapat kepercayaan daripada semua pihak serta kembali dapat bersaing dengan agensi setarafnya.

Pengkaji beranggapan bukan sahaja kepentingan dalam membangunkan dan menyerahkan potensi pegawai melalui latihan serta pengurusan kepemimpinan kepada pegawai-pegawai Felda tetapi perlu juga turut melihat atau digabungkan bersama dengan faktor pengetahuan dan pengalaman kerja daripada mantan pengurusan tertinggi Felda yang tidak dinafikan banyak menyumbang kepada kejayaan pengurusan dalam menguruskan organisasi. Amalan cara kerja yang positif dan professional menyumbang kepada pengurusan yang cemerlang kepada organisasi semasa tempoh mereka bertugas. Kajian dilakukan oleh Yahya (2008) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara sokongan pengurusan, pembangunan kerjaya, jaminan pekerjaan, latihan dan pembangunan serta ganjaran dengan komitmen pekerja terhadap organisasi. Menurutnya lagi pihak majikan perlu memberi perhatian terhadap aspek-aspek tersebut untuk meningkatkan komitmen pekerja terhadap organisasi. Bagaimana amalan pengurusan kepemimpinan mereka ini (mantan) dalam menguruskan sumber manusia pegawai Felda adalah suatu perkara yang terjawab apabila kajian ini menjadi kenyataan.

